

# PELEPASAN

daripada

## Roh-Roh Jahat

Satu Manual Praktikal



PENERBITAN KRISTIAN

# **Pelepasan Daripada Roh-Roh Jahat : Satu Manual Praktikal**

Tajuk Asli:

*Deliverance from Evil Spirits : A Practical Manual*

Francis MacNutt © 1995, 2009

Published by Chosen Books, a division of Baker Publishing Group

Penterjemah, Penyunting & Pembaca Prof:  
Wawasan Penabur

Reka Bentuk Susun Atur:  
Randy Singkee

Pereka Kulit buku:  
JC Chiang

Edisi Bahasa Malaysia diterbitkan bersama oleh:

Wawasan Penabur Sdn. Bhd.  
P.O.Box: 8327  
Pejabat Pos Kelana Jaya  
46787 Petaling Jaya, Selangor  
wawasan.penabur@gmail.com

Seminari Theoloji Malaysia  
Lot 3011, Taman South East  
Jalan Tampin Lama, Batu 3  
70100 Seremban, Negeri Sembilan  
<https://stm.edu.my/>

Semua petikan Alkitab, kecuali dinyatakan sebaliknya, diambil dari:  
Alkitab Berita Baik © 2001, The Bible Society of Malaysia

Cetakan Pertama: April 2018

Tahukah anda bahawa anda boleh mendapatkan banyak bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia secara percuma online di Sabda Harian (<http://sabdaharian.com/>)? Kunjungilah laman web mereka hari ini!

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

# Isi Kandungan

Kata Pengantar	1
Pengenalan	3
<b>Bahagian 1: Latar Belakang yang Diperlukan: <i>Menghapuskan Salah Faham</i></b>	11
1. Bagaimana Saya Terlibat dalam Pengusiran Iblis: <i>Satu Perumpamaan untuk Gereja</i>	13
<b>Bahagian 2: Kewujudan dan Jenis-jenis Roh Jahat</b>	27
2. Adakah Iblis Benar-benar Wujud? <i>Bukti dari Alkitab</i>	29
3. Apakah Bukti daripada Pengalaman Manusia?	46
4. Bolehkah Kita Menyebutnya Sebagai Kerasukan?	66
5. Bagaimana Kita Tahu Kehadiran Satu Roh Jahat?	74
6. Pelbagai Jenis Roh-roh Jahat	86
<b>Bahagian 3: Kutukan dan Kuasa Penghakiman yang Palsu</b>	95
7. Terkena Kutukan	97
8. Penghakiman yang Bersifat Kutukan dan Hubungan yang Mengikat	120
9. Siapakah yang Boleh Berdoa untuk Pelepasan?	131
<b>Bahagian 4: Bersiap Sedia</b>	147
10. Bagaimana untuk Bersedia	149
11. Memilih Satu Pasukan	155
12. Bagaimana Orang yang Diganggu Bersedia untuk Dilepasakan	161

<b>Bahagian 5: Bagaimana Berdoa untuk Pelepasan</b>	171
13. Bagaimana Berdoa untuk Pelepasan: <i>Bentuk Asas</i>	173
14. Membebaskan Seseorang daripada Roh-roh Trauma	190
15. Roh-roh Dosa	206
16: Roh-roh Ilmu Ghaib	213
17: Penderaan Ritual Syaitan	235
18: Jenis Roh yang Lain	250
19: Pelepasan melalui “Objek-objek yang Diberkati”	256
20: Tindakan Susulan	264
<b>Bahagian 6: Membersihkan Tempat-Tempat</b>	267
21. Dimensi-dimensi Pelepasan yang Lebih Luas	269
22: Pembersihan Tempat-tempat	282
<b>Bahagian 7: Kata-kata Akhir</b>	287
23. Pembaptisan Roh Kudus	289
Lampiran 1: Contoh-contoh Doa	297
Lampiran 2: Wawancara dengan Father Rufus Pereira	301

## Kata Pengantar

C.S. Lewis adalah seorang pengarang yang terkenal yang memiliki kebolehan unik untuk mengambil subjek-subjek yang berat dan membuatnya mudah difahami oleh kanak-kanak. Sebab itulah orang dewasa membaca *Chronicles of Narnia* sekerap kanak-kanak. Tetapi kebolehan Lewis melangkaui lebih jauh: Dia dapat membuat perjalanan itu menyeronokkan. Jarang sekali kita temui orang seperti itu. Walaupun buku *Pelepasan daripada Roh-roh Jahat* ini bukan sebuah buku kanak-kanak, saya dapati diri saya membandingkan hasilnya dengan tulisan Lewis. Francis MacNutt berjaya mengambil sesuatu yang berat dan yang tidak mungkin sehingga menjadikannya ringan dan dapat dilakukan. Membaca buku ini membuat saya berasa seperti seorang kanak-kanak semula yang menikmati satu proses pembelajaran.

Francis membawa kita menelusuri satu pengembaraan perjalanan pelayanannya. Melalui keikhlasannya, kita mendapati bagaimana kerelaan untuk belajar merupakan satu titik permulaan bagi kita dalam menakluk sesuatu yang tidak mungkin. Sangat menyegarkan apabila menyedari saya tidak perlu mengetahui segalanya untuk diguna oleh Tuhan! Pendekatan kepada hidup dan pelayanan ini sangat merendahkan diri dan seperti kanak-kanak. Ia menarik perhatian Bapa surgawi kita. Tetapi sepanjang sejarah ramai orang tidak dapat mencapai kejayaan dalam bahagian-bahagian hidup dan pelayanan yang sukar ini kerana kejahilan mereka sendiri.

Namun ada satu perkara yang membawa kesan kepada kebanyakan kita lebih daripada kejahilan kita tentang subjek pelepasan: iaitu kesedaran kita tentang penderaan-penderaan yang lampau. Ada yang perlu dibebaskan daripada pelepasan mereka yang terakhir. Sebab itulah ramai telah bertindak balas terhadap kesilapan orang lain, dan melakukan satu kesilapan yang sama dahsyat, iaitu mengabaikan tugas yang diberikan Allah untuk *mengusir iblis-iblis*. Buku ini dapat memainkan satu peranan yang besar dalam menghapuskan rasa takut gagal kepada ramai orang yang merasa tidak layak dalam pelayanan pelepasan, atau menolak langsung pelayanan tersebut.



Apa yang saya suka tentang Francis MacNutt ialah apa yang saya suka tentang buku ini: Kedua-duanya adalah bijak namun seperti kanak-kanak. Mereka sangat menyeluruh dan lengkap namun tidak kasar atau kaku secara agama. Ketika dia berjalan di antara para cendekiawan masa kini, dia tidak pernah membuat saya rasa kecil atau tidak signifikan. Malah, persahabatan dan bahan sumbernya meninggalkan kesan yang sebaliknya kepada saya, kerana kehausannya terhadap kebenaran sangat berjangkit. Dia masih menikmati pengembaraan untuk terus belajar.

Apabila saya diminta menulis kata pengantar untuk penerbitan semula buku ini, saya berasa sangat tersanjung. Penulis menghantar senaskhah kepada saya untuk diulas. Kemudian, apabila seorang paderi Episcopal yang penuh dengan Roh Kudus melawat saya di pejabat, dia terlihat buku tersebut di atas meja. Sambil menunjuk kepada buku itu dia berkata, "Itu sebuah buku klasik pelepasan." Dia terus memberitahu saya bahawa buku tersebut telah mengubah hidupnya dan memulakan satu perjalanan yang menentukan hidup dan pelayanannya sehingga hari ini.

Saya sangat kagum dengan masa yang telah ditetapkan oleh Tuhan ketika Dia membantu saya melihat sendiri kesan buku ini sebelum saya mula membacanya. Tetapi kini saya memahaminya sendiri. Buku ini memang sebuah klasik, layak dibaca oleh setiap orang percaya yang mempertimbangkan panggilan Yesus kepada para pengikut-Nya untuk dirinya sendiri: "Sembuhkanlah orang yang sakit; bangkitkan orang yang mati; sembuhkanlah orang berpenyakit kulit yang mengerikan dan usirlah roh jahat. Kamu sudah menerima kuasa ini dengan percuma, maka lakukanlah semuanya tanpa meminta bayaran!" (Matius 10:8).

Inilah masanya di mana bahan sumber ini sangat diperlukan. Kemunculan ilmu-ilmu ghaib dan praktik-praktik New Age di negara-negara Barat membuat Gereja sangat sukar untuk mengabaikan subjek tentang pelepasan. Kita dikelilingi oleh orang yang mencari kebebasan yang hanya dapat diberikan oleh Yesus. Inilah masanya bagi kita mempertimbangkan dan pertimbangkan semula mesej yang mendalam tentang *Pelepasan daripada Roh-roh Jahat*.

Bill Johnson  
Senior Pastor, Gereja Bethel, Reading, CA  
Pengarang, *When Heaven Invades Earth*  
dan *Face to Face with God*

## Pengenalan

**S**ejak buku ini pertama kali diterbitkan pada 1995, saya telah melihat banyak petanda dramatik bahawa pelayanan pelepasan sedang dibangkitkan semula. Ramai orang di seluruh dunia menjadi Kristian, dan ramai yang sudah percaya menerima pembaptisan Roh Kudus dan menjadi lebih aktif dalam pelayanan. Malah, semasa saya menulis sekarang, saya menerima e-mel daripada seorang rakan yang menyertai satu pasukan misi perubatan ke Afrika. Ini adalah sebahagian daripada laporannya:

Kami merawat 140 orang pesakit hari ini, satu rekod baru. Ada seribu orang dalam senarai. Ini merupakan pengalaman penginjilan yang terbaik bagi kami. Para pesakit kena tunggu berjam-jam lamanya. Selepas dirawat oleh doktor gigi, mereka diberi peluang seorang demi seorang untuk mendengar Berita Baik. Ini merupakan kawasan Muslim. Beberapa daripada mereka menerima Yesus pada hari ini – lebih kurang 25 daripada 140 orang pesakit. Puji Tuhan!

Saya mendengar banyak cerita-serita seperti ini – orang di Afrika, Asia dan Amerika Latin diinjili mengikut cara yang Yesus tunjukkan:

“Pergilah dan khabarkanlah bahawa ‘tidak lama lagi Allah akan memerintah.’ Sembuhkanlah orang yang sakit; bangkitkanlah orang yang mati; sembuhkanlah orang berpenyakit kulit yang mengerikan dan usirlah roh jahat. Kamu sudah menerima kuasa ini dengan percuma, maka lakukanlah semuanya tanpa meminta bayaran!”

Matius 10:7-8

Kebanyakan gerakan penginjilan dunia dilakukan oleh golongan evangelikal yang dipenuhi oleh Roh Kudus – perkembangan yang dramatik dan jelas kelihatan ini telah dicatat oleh cendekiawan seperti Philip Jenkins yang menarik perhatian umat Kristian dari dunia pertama.<sup>1</sup> Kebanyakan perubahan ini berlaku di luar gereja tradisional yang cuba beroperasi seperti biasa. Dan beberapa perubahan ini dikukuhkan lagi

---

<sup>1</sup> Lihat *The Next Christendom: The Rise of Global Christianity* (New York: Oxford University Press, 2002).



dengan penyembuhan dan pengusiran.

Semasa saya berkhotbah di Guatemala pada 1970-an, hampir kesemua yang hadir adalah Katolik. (Kebanyakan agama adalah bersifat budaya bercampur dengan kepercayaan tahayul.) Tetapi pada hari ini hampir separuh daripada penduduk Guatemala telah meninggalkan Gereja Katolik dan menjadi ahli gereja-gereja karismatik bebas yang semakin berkembang.

Di seluruh dunia, dalam keghairahan penemuan semula penyembuhan dan pelepasan serta pencurahan kurnia Roh yang lain, para pemimpin dan orang biasa (termasuk beberapa orang rakan saya) telah mengambil masa dan mengeluarkan wang untuk melawat Mozambique.

Dari negara yang mundur di tenggara Afrika di mana misionaris Rolland dan Heidi Baker bekerja sejak 1995, pelayanan Iris Ministries kini telah berkembang kepada sekurang-kurangnya 26 buah negara. Lebih dari lapan ribu anak yatim dan kanak-kanak yang terdedah kepada bahaya di Afrika dan negara-negara sekitarnya, telah diberi bantuan makanan dan dijaga. Kanak-kanak perempuan diselamatkan dari sarang pelacuran di jalanan. Lebih dari tiga ribu penginjil dan pastor orang asal telah diberi latihan dan dilengkapi melalui lima buah sekolah Alkitab. Lebih dari tujuh ribu gereja telah ditanam. Bahkan kebangkitan dari kematian juga telah disaksikan dan dicatat. Dan pelepasan merupakan sebahagian daripada pelayanan ini.

Heidi menulis,

[Seorang wanita] telah menderita penyakit asma akut selama sepuluh tahun. Suaminya yakin sekali dia seorang pelacur dan bertindak mahu menceraikannya. Baru-baru ini, dia datang ke gereja kami di Pemba, dalam keadaan kerasukan. Asmanya disembuh dan dia dilepaskan melalui doa dan satu pelukan dengan kasih Yesus. Suaminya sangat kagum dengan perubahannya, walaupun dia tetap minum arak dan panas baran. Pada suatu hari, suaminya dirasuk dan meninggal. Apabila kematiannya disahkan di hospital, isterinya mula berdoa dalam nama Yesus. Satu jam selepas dia diisytiharkan mati, dia bangkit semula dari kematian – lalu dia pergi ke gereja dan menerima Yesus! Pada masa yang sama, dia dibebaskan daripada iblis-iblis yang telah menggangukannya selama beberapa tahun. Pagi ini dengan senyuman lebar dia mengumumkannya bahawa dia tidak minum walau setitik arak pun sejak hari itu.<sup>2</sup>

Kuasa Roh Kudus untuk menyembuh dan membebaskan bukan sahaja

---

<sup>2</sup> Heidi dan Rolland Baker, *Expecting Miracles* (Grand Rapids: Chosen, 2007) hal. 126.



berlaku di Afrika. Di negara China pertambahan Kristian berlaku secara mendadak, kebanyakan di gereja-gereja rumah yang menarik orang melalui mukjizat dan keajaiban yang sering berlaku. Seperti Gereja awal, orang biasa mentafsir Alkitab secara literal dan tiada masalah intelektual dalam mengusir roh-roh jahat serta meminta Yesus untuk menyembuhkan orang sakit.

Dimensi pertumbuhan pesat pelepasan dan penyembuhan telah menarik perhatian orang Kristian yang tinggal di Eropah, di mana iman mereka telah menjadi dingin, dan di Amerika Syarikat di mana iman dalam Yesus Kristus sedang meningkat. Salah satu sebab kepada perubahan yang signifikan ini adalah kerana penerimaan pengusiran sejak beberapa tahun kebelakangan, yang telah membantu membebaskan ramai orang daripada belunggu roh-roh jahat.

### **Sifat Terbuka Yang Baru**

Saya berasa terdorong dengan pertambahan luar biasa dalam penerimaan pengusiran. Pengalaman-pengalaman saya selama ini adalah dengan Gereja Roman Katolik.

Dianggarkan terdapat 120 juta orang Katolik di seluruh dunia yang telah dibaptiskan dengan Roh Kudus. Ramai yang telah belajar, membangun pengalaman mereka dengan kuasa Roh Kudus yang menakjubkan, berdoa bagi yang sakit dengan penuh keyakinan dan berdoa untuk pelepasan daripada roh-roh jahat.

Kita semakin melihat kembalinya pelayanan pelepasan. Misalnya pada 1990, sebuah organisasi kecil, International Association of Exorcists, telah ditubuhkan di Eropah oleh seorang paderi Katolik berbangsa Itali. Reverend Gabriele Amorth menganggarkan ketika dia baru mula berdoa untuk pengusiran, hanya terdapat dua puluh pengusir di Itali. Kini sudah terdapat lebih daripada 350. Father Amorth (kini berusia lapan puluhan) percaya bahawa uskup yang tidak menyediakan seorang pengusir bagi umatnya telah melakukan satu dosa besar.

Seorang lagi paderi, Father Rufus Pereira dari India, telah menubuhkan satu persatuan untuk mereka yang terlibat dalam pelayanan pengusiran. Dalam tiga puluh tahun kebelakangan ini, dia telah menjelajah ke seluruh dunia berbicara dengan para paderi tentang pengusiran, dan telah menjalankan kebaktian penyembuhan bagi ribuan orang. Semua undangan ini datang daripada uskup-uskup, menunjukkan penerimaan



mereka terhadap pengusiran yang tidak wujud empat puluh tahun sebelum itu. Father Pereira, seorang cendekiawan Alkitab yang telah mengajar di tingkat seminari, mempunyai satu reputasi yang baik dan telah digunakan untuk menghidupkan semula pelayanan pelepasan di Gereja Katolik. (Anda boleh membaca wawancara saya dengan dia tentang pengusiran di Lampiran 2)

Ada tiga faktor di Eropah – keadaan agama Kristian yang semakin lemah, kesedaran bahawa Gereja sedang menghadapi satu krisis keimanan, dan pertumbuhan pesat pemujaan Syaitan di Eropah – ironiknya telah membawa kepada satu sikap keterbukaan terhadap pengusiran. Mendiang Paus John Paul ke-II juga diketahui telah berdoa untuk mengusir roh-roh jahat daripada sekurang-kurangnya tiga orang yang mengganggu perjumpaannya. Ini menunjukkan pengusiran diizinkan bahkan pada tingkat tertinggi dalam Gereja Katolik.

Satu lagi petanda perubahan dalam pemikiran dan tindakan ialah undangan pasukan Christian Healing Ministries kami dari Gereja di Scotland pada 2002. Gereja Presbyterian yang diasas dari Reformasi Scotland telah mengundang kami untuk berbicara tentang topik pelepasan dari roh-roh jahat dalam satu retret untuk para paderinya. Saya menerima undangan itu atas beberapa sebab, antaranya adalah kerana reformis John Calvin tidak percaya bahawa orang Kristian boleh diserang oleh Syaitan, yang dianggapnya sebagai musuh yang telah dikalahkan. Akibatnya, Protestan dari pengikut tradisi Calvinisme tidak pernah belajar untuk berdoa bagi pelepasan.

Jadi, mengapa pula kami diundang? Gereja Scotland telah menyebarkan satu soal selidik dan telah menerima respons daripada lebih seribu paderi dan pemimpin gereja. Mereka meminta pelayanan bagi orang Scotland yang hendak tahu apa yang perlu mereka lakukan tentang rumah berhantu dan penjelmaan menakutkan serta meminta doa bagi membersihkan rumah mereka daripada roh-roh jahat. Pelayanan begini tidak diajar semasa persediaan pelayanan di seminari. Oleh kerana permintaan mereka, dan kerana pemimpin Gereja Scotland telah mendengar tentang pelayanan kami, mereka mengambil keputusan untuk mengundang kami. Kami merasa sangat besar hati sehingga kami membawa satu pasukan ke Edinburgh untuk mengajar tentang pelepasan pada satu seminar hujung minggu.

Beberapa pelepasan yang dramatik telah berlaku. Kemuncak seminar itu berakhir dengan satu kebaktian penyembuhan bagi empat ratus orang di Gereja Parish St. Cuthbert yang bersejarah yang terletak di bawah

Istana Edinburgh. Pelayanan ini tidak mungkin dijalankan beberapa tahun dahulu. Tetapi ini merupakan satu lagi petanda denominasi-denominasi dan gereja-gereja arus perdana mula menerima hakikat pengaruh roh jahat dalam hidup mereka dan keperluan untuk melakukan sesuatu tentangnya.

### **Satu Penawar kepada Masalah-masalah Hari Ini**

Empat puluh tahun dahulu saya mengalami kesukaran apabila diminta untuk berdoa bagi membebaskan orang daripada pengaruh roh jahat. Beberapa pihak berkuasa agama telah melarang saya kerana mereka yakin bahawa kepercayaan dalam roh iblis adalah satu kepercayaan tahayul yang primitif, dan apa yang dianggap sebagai “kerasukan” dua ribu tahun dahulu hanya merupakan satu masalah psikologi: “Panggil seorang pakar sakit jiwa, bukan seorang paderi.”

Seolah-olah ada dua tingkat dalam agama Kristian. Orang yang sederhana dan tidak berpelajaran, terutama di Dunia Ketiga (“agama rakyat”), yang tidak mempunyai masalah untuk percaya kepada roh-roh jahat kerana mereka sendiri mengalami alam ghaib tersebut. Media sangat tertarik. (Ingat filem *The Exorcist*?) Tetapi tingkat kedua terdiri daripada orang Kristian yang berpelajaran yang mahu menghapuskan kepercayaan dunia primitif tentang Syaitan dan “roh-roh jahat di sebalik setiap perkara”. Orang terpelajar menganggap pengusiran lebih buruk daripada kepercayaan tahayul kerana pengusiran boleh mematikan semangat orang dari mendapatkan bantuan psikologi yang amat diperlukan oleh mereka.

Pada tingkat akademik, umumnya masih terdapat keraguan secara mendalam. Tetapi ini juga sudah mula berubah. Walaupun masih terdapat kejahilan dan ketakutan, kini pelayanan pelepasan lebih mudah diterima.

Kesedaran yang sekian meningkat ini berlaku bukan sahaja di gereja-gereja tetapi juga pada profesion penyembuhan. Saya telah perhatikan satu perubahan besar dalam tiga puluh tahun kebelakangan ini apabila profesion perubatan bukan sahaja mula menerima doa penyembuhan, tetapi pelepasan juga. Pertambahan kaunselor dan ahli psikoterapi kini mempertimbangkan kemungkinan pengaruh roh jahat sebagai salah satu sebab kepada beberapa masalah psikologi.

Seminar kerohanian yang ditaja oleh Templeton Foundation di sekolah-sekolah perubatan sangat membantu dalam hal ini. Pengajian bahkan



sampai ke tahap ijazah, kini ditawarkan dalam psikologi dan kaunseling bersama dengan doa bagi penyembuhan dalaman dan pelepasan sebagai sebahagian daripada kursus itu.

Gangguan tekanan pasca-trauma merupakan satu lagi masalah yang biasa berlaku dalam masyarakat kita, di mana penyembuhan dalaman dan bahkan pelepasan kini sudah mula diakui sebagai berkesan, malah dapat menyelamatkan nyawa. Seminggu sebelum buku ini ditulis, rakan saya Reverend Nigel Mumford, seorang mantan Tentera Laut Diraja yang berpusat di Belfast, Ireland Utara, telah menjalankan satu konferensi yang menawarkan doa bagi penyembuhan dalaman serta pelepasan bagi veteran-veteran peperangan yang pulang dengan menderita luka-luka dalaman.

Di waktu apabila dianggarkan satu dari empat orang perempuan muda di Amerika Syarikat, dan satu dari lima orang pemuda, menderita akibat penderaan seks, ahli psikoterapi belajar berdoa untuk penyembuhan batin dan bahkan kadang-kadang pelepasan. Apa yang pada satu ketika dahulu dianggap tidak perlu kini diberi pertimbangan menjadi satu bidang kajian dan rawatan.

Pelepasan boleh menjadi jawapan kepada masalah-masalah utama yang lain dalam masyarakat kita. Penagihan sepanjang hayat boleh dirawat dengan doa pelepasan. Isteri saya Judith, adalah seorang ahli psikoterapi. Dia mengalami sendiri di mana dia dibebaskan dari dorongan untuk merokok melalui doa oleh seorang rakan sejawat di Israel empat puluh tahun dahulu!

Beberapa tahun kebelakangan ini saya telah bertemu lebih ramai mangsa penderaan upacara pemujaan syaitan daripada dahulu. Jawapan untuk membantu mangsa-mangsa ini terletak pada doa pengusiran, diikuti dengan doa untuk penyembuhan generasi. Syukur kepada Tuhan kerana orang Kristian sudah lebih sedar akan masalah yang terselindung ini, dan ramai yang belajar berdoa secara bijak untuk mangsa-mangsa yang hidup menderita itu.

### **Keperluan untuk Hikmah Pengertian**

Orang Kristian yang bijak menyedari bahawa mereka perlu hikmah untuk membezakan antara masalah psikologi – di mana pesakit itu memerlukan kaunseling, bantuan psikiatri atau ubat – dan kehadiran entiti roh jahat dalam diri seseorang di mana pelepasan diperlukan. Saya menulis buku ini untuk memberi satu keseimbangan dalam

pelayanan pelepasan/pengusiran, yang boleh mencederakan si penderita apabila ia tidak dilakukan dengan bijak. Saya melihat satu keperluan yang mendesak untuk sebuah pelayanan yang seimbang dan bijak.

Dan saya hanya dapat berharap agar saya dapat hidup lebih lama untuk melihat pelayanan ini berkembang seperti yang digambarkan dalam buku ini. Kita mula melihat permulaan satu kehidupan Kristian yang diberi nafas baru seperti yang tidak kelihatan sejak zaman para rasul dahulu.

Kita perlu kenal pasti masa untuk mengenakan perlengkapan senjata daripada Allah (lihat Efesus 6:11) dan mengambil tempat untuk berhadapan dengan Syaitan dalam peperangan rohani. Satu sebab utama Yesus menjadi manusia adalah untuk membebaskan kita daripada pengaruh iblis. Bagi Yesus ini bukan isu sampingan, bukan pelayanan yang remeh. Gelaran-Nya ialah *Penyelamat* kerana Dia datang bagi membebaskan kita daripada kuasa jahat: "Justeru untuk hal inilah Anak Allah datang bagi memusnahkan pekerjaan Iblis" (1 Yohanes 3:8). Dia melihat pengusiran sebagai salah satu misi utama-Nya. Apabila Dia diberitahu bahawa Herodes hendak membunuh-Nya, inilah yang dikatakan-Nya:

"Pergilah beritahu orang licik itu, 'Hari ini dan esok Aku mengusir roh jahat dan menyembuhkan orang sakit, lalu pada hari ketiga, Aku akan menyelesaikan pekerjaan-Ku.' Meskipun demikian Aku harus meneruskan perjalanan hari ini, esok, dan lusa..."

Lukas 13:32-33

Dan kita juga, harus meneruskan perjalanan ini!

*Francis MacNutt*  
*Jacksonville, Florida*



# Bahagian 1

**Latar Belakang yang Diperlukan:**  
*Menghapuskan Salah Faham*





# 1

## Bagaimana Saya Terlibat dalam Pengusiran Iblis

### *Satu Perumpamaan untuk Gereja*

**S**eperti rakan-rakan saya yang terlibat secara aktif dalam pengusiran roh-roh jahat, saya turut terlibat melalui pengalaman, bukan teori. Tergerak lebih dari hanya teori, saya begitu berminat untuk membantu orang yang terluka dan bergelut dalam kesakitan. Pada akhir 1960-an, satu-satunya arahan praktikal yang saya terima sebagai paderi Roman Katolik datang dari beberapa orang rakan Protestan, serta melalui pengalaman-pengalaman percubaan dan kesilapan. Tentu sekali saya melakukan kesilapan, dan melaluinya saya berharap saya dapat belajar beberapa pelajaran yang berharga.

Berdoa untuk pelepasan sangat berbeza dari pengalaman saya dalam pelayanan penyembuhan. Secara jujur saya dapat katakan bahawa saya mengenali ribuan orang yang sepertinya sudah disembuhkan melalui doa. Bukan semua disembuhkan secara fizikal, tetapi bahkan mereka yang tidak disembuhkan tetap diberkati secara rohani. Tetapi dalam pelayanan pelepasan saya, yang berkait rapat dengan penyembuhan, saya tahu ada beberapa orang yang saya tidak dapat bantu, sama ada kerana kejahilan saya, atau kerana saya tidak ada masa untuk tindakan susulan, atau kerana saya menyerang masalah elemen roh jahat yang ketara, sedangkan yang diperlukan terlebih dahulu adalah satu pembangunan positif atau penyembuhan batin.

Saya pasti kita semua mengetahui masalah-masalah yang terlibat dalam pelayanan pelepasan. Saya tahu bahawa ia merupakan satu pelayanan yang paling berbahaya – bukan sahaja untuk pengusir roh jahat itu,



seperti yang dikatakan oleh Malachi Martin dalam *Hostage to the Devil*,<sup>1</sup> tetapi juga bagi pesakit yang memerlukan pelepasan itu. Kita perlu belajar bagaimana berdoa untuk pelepasan tanpa mengulangi kesilapan-kesilapan lama agar lebih ramai orang yang dikuasai iblis dapat dilepaskan. Tetapi keengganan untuk membantu mereka yang menderita dengan cara menyekat atau melarang pengusiran adalah jauh lebih buruk daripada kesilapan-kesilapan yang kita lakukan, kerana perbuatan itu akan menyebabkan orang yang dikuasai iblis menderita sepanjang hayat mereka, atau lebih parah lagi, meragut nyawa mereka sendiri apabila mereka dapati tiada harapan untuk sembuh. Sebenarnya tidak ada alasan untuk takut, terutama apabila kita belajar dan bergantung lebih kepada bimbingan Tuhan. Setiap pastor atau paderi seharusnya dapat membantu ratusan orang melalui doa pelepasan.

Walaupun saya suka berdoa untuk penyembuhan dan melihat sukacita di wajah orang yang disembuhkan ketika mereka mengalami kasih Yesus yang menghapus kesakitan mereka, saya juga dapati kadangkala doa penyembuhan sahaja tidak mencukupi. Misalnya, saya mungkin sedang menjalankan satu kebaktian penyembuhan di sebuah gereja, berdoa dengan senyap bagi orang yang datang untuk disembuh secara fizikal, apabila dengan tiba-tiba, tanpa provokasi luaran, wajah orang itu berkerut-kerut dan dia menjerit dengan mengatakan seperti, "Kami benci kau!" Pernah sekali seorang wanita cuba mencekik saya, dan banyak kali saya melihat orang cuba mencekik leher mereka sendiri. Seiring dengan waktu, ada beberapa peristiwa aneh seperti itu berlaku. Tidaklah banyak sangat, tetapi biasanya apabila kami berdoa untuk orang ramai, beberapa orang akan berkelakuan dengan tingkah laku yang mengganggu. (Baru dua malam lepas, seorang wanita mula menjerit dan wajahnya meliuk ganjil apabila saya mula berdoa di kebaktian penyembuhan yang dihadiri oleh lebih kurang empat ratus orang di sebuah gereja United Methodist.)

Kadang-kadang apabila saya terus berdoa, orang itu jatuh, dan mula terguling-guling sambil berteriak seperti orang yang kena sawan dalam injil: "Sebaik saja roh jahat itu melihat Yesus, roh jahat itu membuat anak itu kena sawan sehingga anak itu jatuh terguling-guling ke tanah. Mulutnya berbuih" (Markus 9:20).

Mungkin kita boleh menganggap ini adalah kejadian-kejadian psikotik, kecuali ada beberapa faktor yang tidak masuk akal, contohnya:

---

<sup>1</sup> New York, Reader's Digest Press, 1976. Kemudian dicetak sebagai buku berkulit nipis terbitan Bantam.

1. Pada masa-masa lain, orang ini berkelakuan normal. Biasanya ini merupakan kali pertama mereka mengalami peristiwa begini.
2. Biasanya suasana tidaklah tegang dari segi emosi. Peristiwa-peristiwa ini berlaku semasa kebaktian yang tenang yang dicirikan dengan kasih dan doa. Jika histeria tiba-tiba terjadi, apakah puncanya?
3. Apabila orang tersebut mengatakan sesuatu, ia biasanya disebutkan dalam bentuk jamak: "Kami akan bunuh kau!" Dari manakah datangnya *kami* itu? Kadangkala mereka mengaum seperti singa atau menyalak seperti anjing. Bagaimanakah kita menerangkan ini?
4. Biasanya orang yang dirasuk itu belum pernah melihat orang lain bertindak demikian, jadi dari manakah mereka belajarnya? Saya hairan kelakuan orang yang dirasuk dari seluruh dunia bertindak dengan cara yang sama apabila kami mendoakan mereka.

Untuk beberapa tahun saya cuba fikirkan apa yang perlu dilakukan jika kejadian-kejadian aneh ini berlaku. Kebanyakan pelayanan saya pada masa itu dilakukan secara ad hoc. Apakah yang kamu lakukan semasa kamu berdoa bagi seseorang yang meminta kesembuhan, tiba-tiba menjerit kepada kamu dan jatuh menggelupur? Bagaimanakah kamu bantu orang seperti itu? Adakah kamu biarkan dia pulang dalam keadaan seperti mana dia datang? Dari manakah kita dapat belajar apa yang perlu dilakukan?

Biasanya apabila saya berdoa bagi orang seperti itu, saya akan membawanya bersama dengan pasukan doa ke bilik yang bersebelahan. Selepas berdoa untuk beberapa waktu, saya akan perintahkan roh itu keluar. Biasanya mereka akan keluar melalui batuk atau manifestasi lain yang boleh dilihat. Selepas itu biasanya orang tersebut akan mengatakan bahawa dia merasakan entiti yang menggagunya itu sudah keluar.<sup>2</sup> Dia akan kelihatan tenang dan wajahnya berubah menjadi ceria.

Saya perhatikan beberapa perkara yang luar biasa. Lazimnya pasukan kami akan merasa kepenatan sedangkan orang yang dilepaskan itu kelihatan sungguh bertenaga dan bersukacita. Juga, orang yang dilepaskan itu biasanya tidak dapat mengingati apa yang berlaku dari masa mereka berbaris untuk didoakan sehinggalah proses itu selesai dan mereka dilepaskan. Ia seolah-olah roh-roh jahat telah menguasai dirinya untuk beberapa waktu, bahkan bercakap melalui dia. Dia seperti dirasuk

---

<sup>2</sup> Rasa lega seperti "ia telah pergi sepenuhnya," sangat berbeza dengan apa yang kita lihat dalam penyembuhan batin, yang biasanya proses itu berlaku secara bertahap-tahap dalam masa yang agak lama.



tetapi hanya sementara, di mana dia telah dikuasai sehingga dia tidak ingat apa yang telah berlaku. Peristiwa-peristiwa ini mengingatkan saya kepada cerita kerasukan iblis di daerah Gerasa, di mana 'Legiun' memekik sehingga Yesus menyuruh mereka masuk ke dalam babi-babi itu. Akhirnya orang yang dirasuk itu berehat, dan fikirannya kembali waras (lihat Markus 5:1-20).

Saya cuba menghindari semua kesulitan ini dengan menekankan kepada kasih Yesus dalam kebaktian-kebaktian penyembuhan kami, kerana saya fikir saya belum cukup tahu untuk mendoakan pelepasan. (Dari kata-kata seorang yang mula-mula meminta saya berdoa untuk pelepasan timbul sesuatu yang memalukan saya: "Kamu tidak dapat mengusir kami; kamu belum cukup pengalaman!") Tetapi pada 1972 ada satu kes yang dirujuk kepada saya yang memaksa saya untuk belajar lebih.

## **Roberta**

Ada seorang wanita yang telah berkahwin (kita namakan dia Roberta) datang berjumpa dengan saya untuk mendapatkan nasihat semasa satu konferensi. Dia pernah mengalami sakit jiwa dan ditempatkan di beberapa buah hospital untuk satu jangka masa yang lama. Dia memerlukan bantuan saya tetapi berasa teragak-agak apabila saya mendoakan dia. Kemudian, apabila dia datang ke pejabat saya dan mengizinkan saya berdoa agar dia dibebaskan daripada kemurungan, tiada bukti penyembuhan telah berlaku.

Saya perhatikan ada dua perkara ganjil tentang penampilannya: rupanya cantik tetapi berwajah seperti kerasukan hantu. Juga ada beberapa barisan tanda melecur sepanjang kedua-dua lengannya seperti tatu. Katanya dia telah melakukan itu sendiri dengan mencecah puntung rokok pada kulitnya. Apabila ditanya tidakkah perbuatan itu menyakitkan, katanya, "Tidak!" Agak pelik tidak berasa sakit tetapi saya jangkakan mungkin itu merupakan satu masalah psikologi yang misterius. Dia juga mengatakan bahawa dia suka berjalan-jalan di tanah perkuburan, dan dia rasa selesa apabila berada di tempat-tempat yang mengingatkannya akan kematian. Dia meninggalkan pejabat saya sama seperti semasa dia datang; saya tidak tahu bagaimana untuk membantunya.

Beberapa bulan kemudian, beberapa orang rakannya membawa dia ke konferensi di mana saya berkhotbah. Pada masa itu saya mula terasa saya sedang berurusan dengan sesuatu yang lebih daripada hanya

masalah psikologi. Setiap kali dia cuba datang untuk bercakap dengan saya, dia akan berpatah balik dan hilang di khalayak orang ramai. Akhirnya, rakannya berjaya menenteramkan dia dan membawa dia ke hadapan untuk menceritakan kepada saya bagaimana semasa dia masih seorang kanak-kanak, bapanya telah mempersembahkannya kepada satu roh jahat dalam satu ritual pemujaan Syaitan di Brazil. Dia telah menjadi seorang imam perempuan kepada Syaitan. Tetapi sekarang dia berada di Amerika Syarikat, dan dia cuba menjalani satu kehidupan yang normal. Jadi dia meminta saya untuk melepaskannya.

Menyedari kekurangan pada diri saya, saya pun memperkenalkan dia kepada seorang pemimpin yang banyak pengalaman dalam mengusir roh-roh jahat. Tambahan pula saya kesuntukan masa kerana saya adalah pengkhotbah utama dalam kem yang dihadiri oleh 350 orang itu. Saya beritahunya saya akan memulakan doa tetapi rakan saya akan menjalankan pengusiran itu. Dia merayu agar saya tinggal dan memimpin seluruh proses doa pengusiran itu, tetapi saya beranggapan rakan saya lebih berpengalaman dan dapat menjalankan tugas itu dengan lebih baik.

Pada sekitar pukul 10 malam saya pun memulakan doa dan menugaskan rakan saya untuk mengambil alih. Dia berdoa dengan bersungguh-sungguh selama beberapa jam sementara saya memerhatikannya. Akhirnya pada sekitar pukul dua pagi, saya pun meninggalkan tempat itu memandangkan saya dijadualkan untuk berkhotbah pada keesokan harinya dan saya mula berasa penat. Lebih baik saya tinggalkan tempat itu dan balik ke kabin untuk berehat.

Menjelang subuh, saya dikejutkan dengan ketukan di pintu kabin saya. Seorang pemuda mengejutkan saya dan memberitahu bahawa Roberta telah cuba memotong pergelangan tangannya. Dengan segera saya pun menyiapkan diri. Tetapi apakah yang dapat saya lakukan yang belum saya lakukan lagi? Walau bagaimanapun, mereka membawa Roberta kepadaku. Roberta bertanya kalau kami boleh berbicara. Kami pun duduk di tangga pintu kabin saya sehingga matahari terbit. Dia memberitahu saya bahawa dia telah menelefon suaminya untuk datang menjemput dia pulang dalam masa dua jam. Kemudian dia mengancam akan membunuh diri setibanya di sana.

*Adakah Syaitan cuba menggunakan rasa bersalah agar saya berjaga sepanjang siang dan malam? Fikir saya.*

“Kamu seorang paderi,” katanya, “dan kamu tidak percaya siapa sebenarnya kamu. Kamulah satu-satunya di kem ini yang mempunyai



kuasa untuk membebaskan saya. Saya datang kepadamu, dan kamu serahkan saya kepada orang lain yang tidak dapat melakukan apa-apa.”

Hal itu membingungkan saya. Barangkali Allah mahu saya berdoa untuknya? Sebaliknya, jika yang berbicara itu adalah iblis, inilah cara untuk menghentikan saya sebagai seorang pengkhotbah dengan memerangkap saya seperti rakan saya terperangkap semalam? Dengan mengatakan hanya saya sahaja yang dapat melakukannya, adakah dia hanya bermain dengan kemegahan diri saya?

Akhirnya saya berjanji akan cuba membantunya, dengan syarat dia perlu bekerjasama. Dia bersetuju. Sebagai langkah pertama, dia mengatakan bahawa dia telah diserahkan kepada satu roh yang ada disebut dalam Alkitab, dan sepotong ayat Alkitab telah diletakkan kepadanya semasa dia dipersembahkan kepada Syaitan. Dia tidak begitu tahu tentang Alkitab, dan dengan loghat pekat dia bertanya sama ada terdapat kitab yang bernama “Jope”.

“Itu kedengaran seperti Job (Ayub),” kataku.

“Itu dia!”

Pada masa temu janji kami pada pagi berikutnya, dia telah berjam-jam membuat persediaan dan menjumpai ayat itu, Ayub 18:14: “Dia diseret dari khemahnya yang aman, dia dibawa melangkah menghadap raja kegerunan.” (AVB)

“Saya diserahkan kepada Raja Kegerunan,” katanya.<sup>3</sup>

Untuk beberapa jam ke depan, saya memimpin dia melalui pertaubatan dan pengampunan dosa, kemudian menyuruh dia menyangkal dan melepaskan segala pelibatannya dalam ilmu ghaib. Seterusnya saya berdoa mematahkan apa-apa sumpahan dan mengusir Raja Kegerunan. Saat yang terindah adalah akhirnya dia menyerahkan dirinya kepada Yesus Kristus, dibaptis dalam Roh Kudus, berdoa dalam satu bahasa yang lain dan mentafsirkan Bahasa itu sendiri.

“Sebagaimana Syaitan telah menggunakan engkau untuk tujuannya,” tafsirnya, “kini Aku akan menggunakan engkau untuk kemuliaan-Ku.”

Di akhir sesi doa itu, yang berlangsung hampir satu jam, Roberta kelihatan lain sekali. Tujuan asalnya untuk datang bertemu saya menjadi

---

<sup>3</sup> Raja Kegerunan merupakan satu dewa maut Ugarit. Terjemahan seperti AVB dan TB telah mengurangkan elemen jahat peribadi ini dengan menggunakan huruf kecil *raja kegerunan* (AVB), *raja kedahsyatan* (TB), *kematian* (BB). Tetapi New Jerusalem Bible menggunakan huruf besar bagi : *King of Terrors*.

kejutan kepadanya apabila salah seorang anak perempuannya menanyakan dia adakah dia iblis. Lagipun dia ketagihan pelbagai jenis dadah, yang tidak saya ketahui ketika saya mendoakan dia. Namun ketagihan itu terputus semasa kami berdoa. Selepas itu dia dapat memulakan satu kehidupan baru yang radikal bersama suami dan anak-anaknya.

Kisah Roberta adalah satu perumpamaan tentang apa yang sedang berlaku kepada Gereja dalam pelbagai cara. Berikut adalah dua pelajaran yang saya dapat pada masa itu dan juga pelajaran bagi Gereja hari ini.

### **Keperluan Manusia**

Pelajaran pertama dari kisah Roberta itu ialah ialah saya dipaksa mengambil tindakan hanya kerana saya dihadapkan dengan satu keperluan manusia yang mendesak dan mendalam – satu situasi antara hidup dan mati – dan tiada sesiapa yang dapat membantu. Walaupun jahil, saya tidak boleh hanya berpeluk tubuh dan melihat dia menuju ke arah kebinasaan. Tidak banyak yang saya ketahui tetapi akhirnya saya mengambil keputusan berisiko untuk berdoa.

Ini adalah cara bagaimana kebanyakan daripada kita terlibat dalam berdoa bagi pengusiran. Hanya kita sahaja yang ada, dan akhirnya kita mengambil keputusan bahawa kita harus melakukan sesuatu. Ada kemungkinan kita akan melakukan kesilapan, tetapi jelas sekali akibatnya akan lebih buruk jika kita tidak melakukan apa-apa.

Dalam hal ini, saya mahu berkongsi hasil-hasil pencerahan daripada satu kaji selidik yang saya lakukan berikutan dengan satu seminar perintis tentang pengusiran yang diadakan untuk 132 orang paderi dan dua orang uskup pada 1978 di Mt. Augustine Retreat House di Staten Island, New York (yang sudah lama ditutup kerana kekurangan paderi). Lima puluh lapan orang memberi respons kepada soalan selidik itu.

Untuk soalan “Bagaimanakah anda mengetahui tentang keperluan pelayanan pengusiran?” sejumlah terbesar (26) mengatakan bahawa mereka mengetahui keperluan itu bukan dari latihan mereka tetapi dari pengalaman mereka sendiri.

“Ia terjadi semasa retreat,” kata seorang.

“Melalui pengendalian kebaktian penyembuhan,” kata yang lain.

“Seorang pakar sakit jiwa menghantar mereka kepada saya.”



“Masalah-masalah bersifat syaitan mula timbul dalam persekutuan doa kami.”

Lima orang paderi lain mengatakan bahawa orang yang dirasuk mula datang kepada mereka untuk mendapatkan bantuan. Dua orang lagi mengatakan itu adalah satu keperluan di paroki mereka. Malah ada tiga orang yang mengaku keperluan diri mereka sendiri untuk pengusiran telah membuka jalan bagi pelayanan mereka.

Seperti saya, kebanyakan daripada mereka tidak diajar bagaimana untuk mengusir roh-roh jahat; mereka semata-mata mendapati ada satu keperluan yang mendesak untuk membantu mereka yang dirasuk. Tiada seorang pun yang belajar tentangnya di seminari.

Bagi mereka yang *tidak* mengenal keperluan ini dari pengalaman, sembilan belas mula belajar tentang pengusiran melalui pembacaan atau mendengar pita. Sembilan orang belajar melalui apa yang didengar dari rakan-rakan mereka. Seperti saya, mereka semua telah diajar untuk mempercayai kewujudan Syaitan dan pengusiran secara formal, tetapi hanya dari jauh dan bukan sesuatu yang mereka hendak libatkan diri.

Pada hemat saya, kebanyakan daripada kita belajar tentang pengusiran bukan bermula dari soalan-soalan intelektual tentang punca kejahatan, tetapi sebagai satu dilema pastoral yang membingungkan tentang bagaimana hendak membantu orang yang berdiri di hadapan saya yang sepertinya dia diganggu iblis.

Kini saya dapati keperluan pelepasan sebagai suatu masalah yang biasa, bukan sesuatu yang jarang berlaku. (Kita bincang lebih tentang hal ini kemudian) Pelepasan mempengaruhi kesejahteraan Gereja dan perlu ditangani kerana ramai orang yang luka mencari bantuan yang hanya dapat diperoleh melalui doa pelepasan. Jika orang menderita akibat masalah psikologi, tidak mengapa; mereka boleh mendapatkan bantuan melalui kaunseling dan doa untuk penyembuhan. Tetapi jika punca masalah itu dari iblis, mereka tidak dapat dibantu melalui intervensi psikologi yang biasa. Lagi pun ramai daripada mangsa Penderitaan Ritual Syaitan mula muncul dan meminta secara terbuka (misalnya melalui rancangan bual bicara di TV) mengapa Gereja tidak membantu.

Orang yang sengsara ini menangis meminta bantuan, seperti Roberta, yang memaksa saya berdepan dengan isu tersebut. Gereja kena sama ada mengambil tindakan atau terus menutup mata dengan beranggapan masalah dirasuk iblis itu jarang berlaku atau tidak benar.



## Memaksa Orang yang Terlibat untuk Mencari Bantuan dari Tempat-tempat yang Salah

Pelajaran kedua yang muncul dari kisah Roberta ialah sama seperti saya cuba menyerahkannya kepada orang lain – tindakan yang pada masa itu saya anggap betul dan bijak – saya fikir kebanyakan daripada kita telah dilatih untuk mencari bantuan bagi kes-kes yang sukar daripada sesiapa sahaja kecuali daripada diri kita sendiri. Lazimnya orang yang memerlukan bantuan pelepasan pergi kepada pemimpin gereja atau kepada paderi mereka terlebih dahulu. Pemimpin gereja biasanya akan merujuk mereka kepada pakar sakit jiwa. Jika masalah itu bersifat emosional, pakar sakit jiwa mungkin dapat membantu; tetapi jika masalah itu ada kaitan dengan roh-roh jahat, kemungkinan besar pesakit itu tidak dapat dibantu dan kadangkala dimasukkan ke dalam hospital sakit jiwa – jauh daripada bahaya tetapi juga mungkin disingkir sepanjang hidup mereka.

Teguran Roberta – “Kamulah satu-satunya yang dapat membantuku. Tidakkah kamu percaya pada diri sendiri?” – dapat ditujukan kepada ribuan pemimpin gereja dan paderi, ketika kita dapat menarik nafas setelah memberi nombor telefon pakar sakit jiwa tempatan, dan yakin bahawa kita telah melakukan yang terbaik. Tetapi bagaimanakah ini dapat membantu apabila kebanyakan kaunselor dan pakar sakit jiwa tidak beroperasi dari satu rangka rujukan yang membolehkan mereka mengesan kehadiran iblis walaupun ia ada di sana? Ini juga tidak terdapat dalam latihan yang mereka terima.

Kebanyakan pesakit, termasuk yang berada di hospital sakit jiwa, boleh disembuhkan atau dibantu melalui doa penyembuhan batin atau pelepasan. Kita akui pendirian ini tidak dapat dibuktikan; saya hanya kemukakannya kerana saya benar-benar percaya.

Suatu kali saya mendoakan seorang gadis yang telah ditahan dalam hospital sakit jiwa selama dua belas tahun, kerana mengalami skizofrenia. Selepas dua jam berdoa untuk penyembuhan dan pelepasan, keadaan kuyu matanya hilang dan dia dapat bertutur seperti biasa. Beberapa minggu kemudian, para doktor mendapati satu perubahan besar dalam tingkah lakunya dan dia dibenarkan keluar dari hospital. Saya dapat memberikan banyak lagi contoh yang saya terima daripada orang (sejak saya terlibat dalam pelayanan pelepasan ini lebih dari dua puluh tahun lalu) yang gagal mendapatkan bantuan dari psikoterapi atau dari pemimpin agama yang belum belajar cara mengendalikan hal berkaitan kerasukan. Hasrat terbesar saya adalah untuk menggalakkan orang



Kristian belajar lebih lagi tentang pelepasan – kemudian, jika perlu, berdoa baginya. Minat saya bukan bersifat akademik; bagi saya hal ini adalah antara hidup dan mati. (“Jika saya tidak menerima bantuan, saya akan mengakhirkannya semuanya!”) Seseorang akan mati, secara rohani atau/dan secara fizikal, jika tiada orang yang membebaskan mereka daripada kesengsaraan yang mendorong mereka untuk membunuh diri sendiri.

Pelayan Injil (pemimpin gereja) harus berhenti menyerahkan kepada orang lain dengan menyangkal kehadiran penindasan iblis atau merujuk mereka kepada pakar sakit jiwa atau kepada kaunselor, sedangkan apa yang diperlukan ialah pelepasan dari roh-roh jahat. Kaunseling dan perubatan mungkin juga diperlukan; dan kita perlu memberi kerjasama kepada pakar sakit jiwa. Tetapi pemimpin gereja tidak boleh mengabaikan tanggungjawab yang memang *dalam bidang kerja mereka*. Apabila isteriku, Judith, seorang ahli psikoterapi, bekerja sebagai seorang staf di unit psikologi yang cemerlang di Boston, dia mempunyai beberapa pesakit yang dipercayainya memerlukan doa untuk membebaskan mereka daripada tekanan. Pesakit-pesakit itu yang akan dirujukannya kepada paderi. Tetapi dia mendapati para paderi itu tidak tahu tentang peperangan rohani seperti dirinya. Mereka sangat bagus dalam memberi dorongan kepada orang lain, dan merupakan kaunselor yang baik, tetapi mereka tidak dapat membantu dalam alam rohani, yang merupakan bidang mereka, di mana pesakit betul-betul memerlukan bantuan.

## Seorang Wanita Mendapat Bantuan

Berikut adalah sebuah cerita yang berakhir dengan kebahagiaan, yang datang dari seorang wanita terpelajar, yang gagal mendapatkan bantuan dari kedua-dua pakar sakit jiwa dan paderi. Dalam keadaan terdesak dia akhirnya memperoleh pelepasan daripada satu sumber yang tidak terduga.

Francis,

Tidak pernah saya menulis surat kepada seseorang yang saya kenali hanya melalui pembacaan bukunya....<sup>4</sup> Saya berdoa semoga anda dapat memberi saya nasihat yang saya perlukan. Hanya dalam lima minggu kebelakangan ini baru saya dapat mengenali masalah saya, dan saya masih mempunyai masalah untuk menggunakan kata-kata yang seolah-olah dari Zaman Kalam dan

---

<sup>4</sup> Dia telah membaca bab tentang pelepasan dalam buku saya, *Healing*.

yang bertolak belakang dengan latar belakang pendidikanku.

Lebih kurang tiga tahun yang lalu saya mula cuba merapatkan diri kepada Tuhan. Pada masa yang sama, saya menjadi semakin kemurungan kronik sehingga saya cuba membunuh diri. Saya tidak faham dan telah memberitahu paderi saya yang saya memerlukan bantuan. Saya berusia 37 tahun, terpelajar dan bersifat analitikal. Saya major dalam bidang psikologi, dan benci untuk mengaku bahawa ada sesuatu yang tidak kena pada diri saya, dan seperti pusat sakit jiwalah jawapannya. Saya mula menerima psikoterapi, bekerja keras dan melakukan semua yang betul, tetapi masih tidak pulih – tiada yang berubah dalam diri saya. Saya mula terdesak. Doktor saya merasa pelik mengapa kami tidak berjaya mengubah keadaan saya. Ada suatu suara dalam kepala saya yang mengatakan saya tidak akan hidup. Dua tahun lalu saya cuba membunuh diri saya dua kali dalam tempoh seminggu. Saya dipindahkan dari unit rawatan intensif ke unit sakit jiwa di hospital. Saya memberitahu doktor dan juga paderi saya bahawa itu bukan saya; saya tidak mahu rasa begitu. Tetapi saya kedengaran seperti orang gila jadi saya pun berhenti bercakap tentangnya.

Saya berdoa dan terus berdoa, tetapi keadaan menjadi semakin buruk.

Pada waktu itu Tuhan menghantar Sister\_\_\_\_\_ dalam hidup saya; dia adalah seorang yang cerdik, banyak membaca, dan sangat sederhana. Dia mengatakan mungkin saya perlu doa pelepasan. Akhirnya untuk mengambil hatinya, saya bersetuju, jadi kami pun pergi kepada sepasang suami isteri untuk didoakan. Di sana untuk pertama kalinya saya menyedari saya sedang berhadapan dengan roh jahat di dalam hidup saya. Saya diminta untuk menyangkal semua bentuk aktiviti ilmu ghaib. Kedengaran sangat mudah (Dari dahulu saya telah menganggap semua ini tidak perlu), tetapi saya dapati sangat sukar untuk menyangkalnya. Sejak berumur tiga tahun saya sudah mendengar suara-suara di kepala saya. Suara itu ada di *dalam* kepala saya, jadi saya sangkakan itu adalah diri saya sendiri, walaupun saya tahu bahawa itu bukan hal sebenarnya. Suara itu memberitahu saya apa yang perlu saya lakukan dan bagaimana caranya; saya merasakan ia menjaga diri saya. Suara itu memberitahu saya bagaimana boleh membuat sesuatu berlaku, bagaimana membaca masa hadapan atau melihat yang lepas. Setelah meningkat dewasa, saya mula menilik nasib, tetapi orang naik takut kerana saya dapat menceritakan banyak perkara. Saya adalah seperti apa yang Sybil Leak katakan: seorang ahli sihir semula jadi.

Selepas mereka mendoakan saya, semuanya menjadi senyap, tetapi saya masih dapat merasakan kehadirannya dan tahu ia belum pergi lagi.

Minggu berikutnya keadaan menjadi semakin buruk. Benda itu tidak lagi berpura-pura menjadi suara atau diri saya. Ia mula menyerang saya bertubi-tubi. Saya sangat terdesak, jadi Sister dan



saya kembali lagi kepada pasangan itu. Sekarang ia menjadi amat sukar. Saya tidak dapat bercakap dan mereka terpaksa menahan saya secara fizikal. Suara itu terus berkata, "Buat 'hubungan' biar aku melakukannya. Mereka tidak dapat menahanmu jika kamu lakukan itu; mereka tidak tahu caranya." Saya takut ada orang yang akan cedera, jadi saya tidak melepaskannya, dan kami tidak dapat menghalanya.

Ini membawa kepada masalah saya. Saya cuba untuk rasional kerana ini abad ke-20, tetapi saya tahu ada satu roh iblis yang berkuasa besar sedang mengganggu saya. Saya mahu dibebaskan; saya mahu menyerah semua kehendak saya kepada Tuhan. Saya akan cuba pelepasan sekali lagi, tetapi hanya jika saya rasa saya dilindungi. Saya tidak mahu menjadi sebahagian daripada satu pameran yang kemudian meninggalkan saya seperti yang asal. Saya berasa berada di medan peperangan. Saya telah memberitahu paderi saya dan dia sangat bersimpati kepada saya. Dia menyuruh saya mengaku dosa, tetapi itu masih tidak mencukupi. Saya memerlukan bantuan. Bolehkah anda memberi saya apa-apa nasihat?

Ini benar-benar satu soalan yang ditanya oleh seluruh Gereja, bukan? Bagaimanakah kita membantu orang yang dalam keadaan terdesak, menulis atau menelefon walaupun dari tempat yang jauh? Di sini kita mempunyai apa yang saya sekarang lihat sebagai kes biasa dalam bimbingan kerohanian: seorang pintar yang telah cuba mendapatkan bantuan secara tradisional, dari Gereja dan pakar jiwa, tetapi gagal mendapatkan apa-apa daripada paderi-paderi dan doktor-doktor yang berniat baik. Berapa ramaiakah pastor atau paderi yang kamu kenal yang dapat kamu pergi untuk mendapatkan doa pelepasan?

Wanita itu sungguh terdesak sehingga dia menelefon saya beberapa kali untuk berjumpa dengannya. Saya tidak dapat melakukannya. Satu-satu perkara yang dapat saya lakukan ialah merujuk dia kepada seorang paderi yang saya kenali yang tinggal 80 km dari rumahnya. Dua minggu kemudian dia menulis lagi:

Francis,

Sebaik sahaja saya mengirim surat kepada kamu, iblis itu cuba mengganggu saya dengan lebih kuat lagi. Rakan-rakan saya membawa saya ke bilik kecemasan kerana saya telah menelan banyak pil tidur. Perawat yang menjaga unit psikiatri bertanya sama ada saya cuba membunuh diri untuk menjauhkan diri saya dari suara itu. Saya rasa hanya kematian sahaja yang dapat menjauhkan saya daripadanya. Pakar jiwa saya memberitahu bahawa saya perlu dimasukkan ke dalam wad. Saya enggan kerana saya tahu bahawa saya tidak mungkin akan dapat menerima pertolongan yang saya perlukan di hospital.

Apabila akhirnya saya pergi dan berjumpa dengan rakanmu, Father \_\_\_\_\_, saya suka akannya. Dia seorang yang bijak, banyak membaca, dan

seorang yang menyenangkan. Saya bercakap dengannya secara terbuka dan jujur. Dia seakan-akan tidak mahu menyentuh tentang suara itu dan iblis. Selepas bercakap-cakap, Father memberitahu bahawa sebenarnya saya seorang wanita yang baik tetapi kebingungan, yang memerlukan seorang pakar jiwa. Itu sangat menyakitkan, bukan kerana saya tidak pernah mendengar hal tersebut, tetapi kerana saya tidak datang sejauh itu untuk mendengar tentang itu. Kemudian secara terus terang saya tanya dia tentang suara itu. Dia berasa tidak sedap hati tetapi mengatakan dia berpendapat suara itu adalah suara saya sendiri.

Saya tidak dapat gambarkan bagaimana perasaan saya. Saya merasa Allah sangat kejam. Air mata saya mengalir kepahitan dan saya memberitahunya saya tidak tahu apa lagi yang hendak dikatakan kecuali saya yakin suara itu bukan suara saya. "Bagaimana kamu tahu?" tanya dia.

Kemudian dia menggambarkan bagaimana dia merayau-rayau dalam keadaan terdesak pada malam itu, sehingga dia sampai di sebuah rumah retret untuk bertemu dengan seorang sister yang dia kenali. Seorang sister lain di rumah itu yang kemudian membantunya.

Saya kurang pasti sama ada dia menganggap saya kurang siaman atau tidak, tetapi dia seorang yang baik. Mungkin saya kelihatan seperti saya hendak meninggalkan tempat itu, kerana dia menahan saya sementara dia pergi mendapatkan Alkitabnya. Dia duduk diam, sambil melihat Alkitabnya, kemudian dia memandang kepada saya dan berkata, "Tuhan mahu saya berdoa bersamamu."

Saya tidak merasa hairan; lebih-lebih lagi dia seorang biarawati. Mula-mula kami berdoa bersama, kemudian dia membaca Markus 9:14-29 (Yesus menyembuhkan seorang anak yang dirasuk roh jahat) dan berkata, "Saya percaya begitulah keadaanmu." Saya bersetuju dan dia berkata, "Mari kita berdoa." Dia mula berdoa meminta Allah bersama kami dan memimpin kami. Kemudian saya mula menyedari dia sedang berdoa untuk pelepasan. Suaranya perlahan dan dia tidak memandang saya. Dengan dibawa Allah dia mengikat roh itu, dan memerintahnya untuk pergi dan tidak kembali lagi. Saya merasakan kehadiran roh jahat, tetapi bilik itu dipenuhi dengan kuasa Allah. Sister sangat terbuka dan Allah mencurahkan kuasa-Nya melaluinya. Saya tidak rasa takut. Saya lepaskan segalanya dan iblis itu meninggalkan diri saya. Dengan lembut Tuhan memegang saya. Saya memberitahu sister bahawa roh jahat itu sudah pergi. Dia memandang kepada saya dengan mata yang berlinang. Katanya, "Mari kita ke chapel untuk bersyukur kepada Tuhan dan memuji Dia."

Di sana sister yang adalah kawan saya nampak kami dan berkata kepada saya bahawa saya kelihatan lain.

"Ia telah pergi." Saya memberitahunya.

"Bilakah ia berlaku?"

"Tadi. Sister berdoa untuk pelepasan."

"Saya tidak tahu dia dapat melakukan demikian."

Saya tidak tahu sama ada dia pernah melakukan itu sebelum ini; saya tidak tanya dia. Tetapi pada fikiran dia, dia sungguh manis membiarkan Tuhan menggunakannya dalam cara yang istimewa.

Ganjil sekali, tetapi rasanya begitu indah sekali untuk menjadi diri saya sendiri. Suara itu dan hubungan dalam kepala saya sudah hilang. Terima kasih kerana membantu saya! Tuhan menggunakan kamu juga.

Segala kemuliaan hanya untuk Allah. Shalom!



Saya menulis buku ini untuk menjawab soalan yang saya hadapi dalam pelayanan saya sendiri: Bagaimana kamu membantu orang seperti Roberta dan wanita ini? Jika kita tidak menghantar mereka pulang dalam keadaan seperti mana mereka datang, tetapi menghulurkan bantuan yang diperlukan oleh mereka, kita memerlukan garis panduan yang praktikal dan Alkitabiah. Saya akan menulis untuk berkongsi apa yang telah saya pelajari.

Dalam bahagian berikutnya kita akan berbincang tentang kewujudan dan pelbagai jenis roh-roh jahat yang mungkin kita temui.